

PENGHASILAN DAN PENILAIAN VIDEO DOKUMENTARI  
PENDIDIKAN BAGI SUBJEK AUDIT DAN PENYIASATAN (P512)  
DI POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH,  
JITRA, KEDAH.

MOHD SAIFUL NIZAM B. KHALID

Kajian kes ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2003

## *Dedikasi*

*Kasih Tidak Terhingga Buat.....*

*Ayahanda Khalid B. Salim*

*Bonda Siti Mahmor Bt. Taib*

*dan keluarga tersayang,*

*Pengorbanan dan kasih sayang yang diberikan akan dikenang sepanjang hayat.*

*Kejayaan ini buat Abah dan Mama...*

*Buat insan yang tersayang dan istimewa...*

*Norhayah Bt. Sabtu*

*Kasih sayangmu tiada tolok bandingnya. Dikau yang terbaik dan istimewa dan sentiasa memberi dorongan terhadap kejayaan ini..*

*Dan untuk rakan-rakan seperjuangan...*

*Shabri, Nizan, Chot, Peyjal, Sham Mat, Mazrul, Bern, Helmi, Nazri, dan yang lain*

*Kenangan bersama kalian akan dikenang selamanya...*

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>BAB V</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	61
5.1	Pengenalan	61
5.2	Pengumpulan Sampel Dan Responden	62
5.3	Kebolehpercayaan Instrumen	63
5.4	Analisis Data Dan Dapatan Kajian	64
5.4.1	Analisa Item Dan Perbincangan Bahagian B	64
5.4.1.1	Analisis Item Bahagian B (I) – Analisis Terhadap Penilaian video dokumentari pendidikan ke atas proses pengajaran dan pembelajaran	65
5.4.1.2	Analisis Item Bahagian B (II) – Analisis Terhadap Persepsi Pelajar Terhadap Cara Penggunaan Video Dokumentari Pendidikan	69
5.4.1.3	Analisis Item Bahagian B (III) – Analisis Terhadap Ciri-Ciri Video Dokumentari Pendidikan	70
5.5	Penutup	73
<b>BAB VI</b>	<b>KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP</b>	74
6.1	Pengenalan	74
6.2	Perbincangan	75
6.3	Kesimpulan	77

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>HALAMAN PERAKUAN PENULIS</b>	ii
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>BAB I</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	6
	1.5 Objektif Kajian	7
	1.6 Kerangka Teori	7

## ABSTRACT

The research was conducted mainly to survey the effectiveness of using Education Documentary Video as CD-ROM appearance for subject Audit and Penyiasatan (P512) chapter Pengauditan Syarikat Induk dan Subsidiari as a support material for lecturer to lecture. 35 respondents were taken from Diploma Accountancy, Politeknik Sultan Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah Darul Aman. Researcher had followed class session about the subject. Questionnaires method was used to conduct the survey and analyses of the data was done by using "*Statistical Package for Social Science*" (SPSS) version 11.0. The result from the research showed that the Education Documentary Video as CD-ROM appearance had achieved the outlined objectives where the mean score was positive. This showed that the respondent agree that the method of using video education in lecture was good and can enhance student academic performance.



PTAA  
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau penggunaan video dokumentari pendidikan dalam bentuk CD-ROM bagi subjek Audit Dan Penyiasatan (P512) bertajuk Pengauditan Syarikat Induk dan Subsidiari oleh pensyarah sebagai alat bahan bantu mengajar yang boleh membantu pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Responden kajian terdiri daripada pelajar di peringkat diploma yang sedang mengikuti mata pelajaran P512 Audit dan Penyiasatan di Politeknik Sultan Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah Darul Aman. Seramai 35 orang pelajar Diploma Akauntansi telah dipilih. Penyelidik telah mengikuti satu sesi pengkuliahahan kursus ini bersama responden. Kajian direkabentuk menggunakan kaedah tinjauan yang berbentuk deskriptif melalui kaedah instrumentasi borang soal selidik. Penganalisan data adalah menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 11.0. Data dianalisis bagi mendapatkan peratusan dan min bagi setiap soalan. Dapatan kajian adalah positif. Ini menunjukkan semua responden bersetuju bahawa video yang digunakan oleh pensyarah dalam mata pelajaran P512 Audit dan Penyiasatan adalah baik dan mampu meningkatkan prestasi akademik pelajar.

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	1.7 Skop Kajian	9
	1.8 Kepentingan Kajian	10
	1.9 Definisi Istilah	11
	1.10 Penutup	12
<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN PENULISAN</b>	<b>13</b>
	2.1 Pendahuluan	13
	2.2 Penggunaan Teknologi Dalam Pendidikan	15
	2.3 Kepentingan Media Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran	17
	2.4 Pengaplikasian Aspek Pedagogi Dalam Penggunaan Bahan Media	19
	2.5 Penggunaan Video Sebagai Alat Pembelajaran	21
	2.6 Penutup	23
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>24</b>
	3.1 Pendahuluan	24
	3.2 Reka Bentuk Kajian	25
	3.3 Prosedur Kajian	25
	3.4 Responden	27
	3.5 Sumber Data	28
	3.6 Instrumen Kajian	29
	3.6.1 VCD Pengauditan Syarikat Induk Dan Subsidiari	29
	3.6.2 Borang Soal Selidik	29
	3.7 Kajian Rintis	32

## PENGHARGAAN

*Syukur Alhamdulillah* kerana dengan limpah dan kurnianya, maka projek penyelidikan ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia projek sarjana, En. Mohd Akbal B. Abdullah di atas segala ilmu, nasihat, idea serta dorongan yang telah diberikan sepanjang menjalankan penyelidikan ini.

Pada kesempatan ini juga, ucapan terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada pelajar-pelajar semester akhir Diploma Akauntansi, POLIMAS di atas kerjasama yang diberikan bagi menjayakan penyelidikan ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional, KUiTTHO di atas segala ilmu yang telah dicurahkan. Akhir sekali penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penyelidikan ini secara langsung atau tidak langsung.

Semoga semua diberkati oleh Allah s.w.t. hendaknya.....

MOHD SAIFUL NIZAM B. KHALID



<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
6.4	Cadangan	78
6.4.1	Jabatan Pendidikan Teknikal dan Vokasional	78
6.4.2	Pensyarah Politeknik	78
6.4.3	Pelajar Politeknik	79
6.4.4	Cadangan Berkaitan Kajian Lanjutan	79

**BIBLIOGRAFI****LAMPIRAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
3.8	Kebolehpercayaan	33
3.9	Pengumpulan Data	33
3.10	Kaedah Analisis Data	34
3.11	Andaian	35
3.12	Batasan Kajian	35
3.13	Penutup	36
<b>BAB IV</b>	<b>REKABENTUK PRODUK</b>	<b>37</b>
4.1	Pendahuluan	37
4.2	Penghasilan VCD	38
4.3	Matlamat Penghasilan VCD Pengauditan Syarikat Induk Dan Subsidiari	38
4.4	Kerangka Teori Pembikinan Produk	39
4.5	Kronologi Pembikinan Produk	41
4.6	Langkah-Langkah Dalam Proses Penerbitan Video	43
4.7	Elemen Dalam Pembikinan Video	45
4.8	Jadual Kerja Pembikinan Produk	56
4.9	Sasaran Penggunaan VCD Pengauditan Syarikat Induk Dan Subsidiari	57
4.10	Kegunaan VCD Pengauditan Syarikat Induk Dan Subsidiari	57
4.11	Batasan VCD	58
4.12	Kelebihan VCD	58
4.13	Permasalahan Dalam Pembikinan VCD	58
4.14	Bahan Dan Kos Menghasilkan VCD	60
4.15	Penutup	60

**SENARAI JADUAL**

<b>NO. JADUAL SURAT</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
3.1	Nilai skor berdasarkan darjah persetujuan	31
3.2	Jadual Taksiran Min dan Tahap Penerimaan Responden	35
5.1	Nilai Koefisien Kebolehpercayaan	63
5.2	Ringkasan Hasil Analisis Koefisien Kebolehpercayaan Kajian Sebenar	64
5.3	Penilaian video dokumentari pendidikan ke atas proses pengajaran dan pembelajaran	66
5.4	Persepsi Pelajar Terhadap Cara Penggunaan Video Dokumentari Pendidikan	69
5.5	Persepsi Pelajar Terhadap Ciri-Ciri Video Dokumentari Pendidikan	70



**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH SURAT</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
1.1	Kerangka Teori	9
3.1	Kerangka operasi untuk prosedur kajian	26
4.1	Kerangka Penghasilan Produk	40
4.2	Kronologi Pembikinan Produk	41
4.3	Langkah-langkah dalam proses penerbitan video	44
4.4	Elemen-Elemen Dalam Penerbitan Video	46
4.5	Carta Gant Jadual Kerja	56
5.1	Analisis Terhadap Penilaian video dokumentari pendidikan ke atas proses pengajaran dan pembelajaran	67
5.2	VCD Dapat Membangunkan Dan Mengekalkan Minat Pelajar	71



## SENARAI SINGKATAN

ABBM	-	Alat Bahan Bantu Mengajar
CD	-	Compact Disc (Cakera Padat)
POLIMAS	-	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah Darul Aman
SPSS	-	Statistical Package For Social Science
VCD	-	Video Compact Disc (Video dalam bentuk cakera padat)



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Borang Soal Selidik
B	Analisis Kajian Rintis
C	Analisis Kajian Sebenar
D	Pengesahan Pensyarah POLIMAS



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# BAB I

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Dalam menghadapi persaingan alaf baru dan cabaran globalisasi, dimensi pembangunan pendidikan yang berasaskan teknologi memainkan peranan penting untuk melahirkan cerdik pandai yang boleh membangunkan negara hingga setaraf dengan negara maju lain. Kebanyakan negara telah melaksanakan sistem pendidikan yang berkonsepkan *learning nation*, *thinking school* dan *technology-utilisation* dan tidak lagi menekankan kepada sukatan pelajaran. Perkembangan dunia teknologi kini perlu dimanfaatkan dalam dunia pendidikan sejajar dengan hasrat negara untuk melahirkan seberapa ramai golongan pendidik yang mampu mengaplikasikan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (Ismail Awang, 2001).

Justeru, perkembangan yang pesat dalam bidang teknologi perlulah dimanfaatkan sepenuhnya oleh sektor pendidikan dalam usaha memastikan matlamat menjadikan taraf pendidikan negara berada di tahap yang gemilang. Teknologi terutamanya dalam bidang maklumat dan komunikasi boleh digunakan bagi memperbaiki rekabentuk dan

penyampaian pengajaran. Menurut Yusup Hashim dan Sharifah Alwiah Alsagoff (1999), teknologi pengajaran wujud untuk menyelesaikan masalah pengajaran yang akhirnya akan membantu proses pembelajaran. Keperluan kepada teknologi ini menjadi semakin penting dalam usaha mempelbagai media pengajaran dan menjadikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik.

Secara umumnya, teknologi telah lama digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Teknologi juga telah lama digunakan untuk menyalurkan maklumat dan berkomunikasi dengan pelajar. Contohnya video interaktif, komputer, *hypermedia* dan lain-lain lagi. Tujuannya adalah supaya maklumat yang cuba disampaikan oleh guru lebih difahami dan proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih menarik. Tetapi apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan teknologi dalam pendidikan itu sendiri? Menurut Heinich et.al. (1996), teknologi pengajaran adalah teori dan amali merekabentuk, membangunkan, menggunakan, menguruskan dan menilai proses dan sumber pembelajaran. Beliau percaya perkara yang paling penting adalah proses menganalisa tugas pembelajaran, memecahkannya kepada bentuk yang lebih kecil dan memikirkan langkah yang sesuai untuk membantu pelajar menguasai pelajaran.

Menurut Heinich et.al (1996), pengajaran bersumberkan media dan teknologi memberikan tenaga pengajar satu bentuk alat pengajaran yang berkesan untuk menggalakkan pelajar belajar. Oleh itu, menurut Jonassen D.H (1999), pembelajaran ialah satu proses penyusunan maklumat dan persekitaran untuk menggalakkan proses pembelajaran. Persekitaran di sini bermaksud kombinasi kaedah, media dan peralatan yang digunakan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. Pengurusan maklumat dan persekitaran adalah di bawah tanggungjawab jurutunjuk atau guru dan pereka media. Pemilihan strategi pembelajaran pula akan ditentukan oleh persekitaran (kaedah, media, peralatan dan kemudahan) dan kehendak bagaimana maklumat itu disusun dan digunakan.

Menurut Jonassen D.H (1999) lagi, pembelajaran adalah proses membangunkan idea-idea baru, kemahiran dan sifat-sifat baru bagi individu yang cuba mengaitkan



antara maklumat dengan persekitaran. Pembelajaran berlaku sepanjang masa. Contohnya ketika menonton tv, berbasikal, bercakap dengan orang lain, atau dengan hanya memerhati keadaan sekeliling.

Kita dapat lihat bahawa hari demi hari proses pengajaran dan pembelajaran menjadi suatu proses yang semakin kompleks dan penuh dengan cabaran. Sukar untuk menentukan kaedah dan pendekatan pengajaran yang terbaik untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menarik dan berkesan. Menurut Mok, Soon Sang (dalam Norliza Mohamed Piah, 2001), banyak faktor yang menentukan ciri-ciri pengajaran yang baik. Di antaranya ialah kecekapan pendidik mengawal kelas, strategi dan kaedah pengajaran serta penggunaan alat bahan bantu mengajar. Antara yang paling penting adalah penggunaan alat bahan bantu mengajar kerana alat bahan bantu mengajar merupakan salah satu cara untuk menyalurkan ilmu pengetahuan kepada pelajar.

Secara umumnya alat bahan bantu mengajar boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu media elektronik dan media bukan elektronik. Media elektronik meliputi bahan seperti radio, televisyen, alat perakam kaset, video, projektor slaid, filem, projektor lutsinar dan piring hitam. Manakala media bukan elektronik terdiri daripada buku, modul, majalah, jurnal, carta, papan gulung, kad imbasan dan model. Oleh itu, dapat dilihat bahawa terdapat pelbagai alat bahan bantu mengajar yang boleh digunakan oleh pendidik untuk menyampaikan maklumat dan pengetahuan kepada pelajar (Heinich et.al., 1996).

Sebagai seorang pendidik, seharusnya menguasai bidang teknologi maklumat amatlah penting. Mengaplikasikan pengetahuan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah satu kaedah yang boleh membawa pelajar ke arah globalisasi walaupun mereka hanya berada dalam kelas sahaja. Oleh itu, pelajar tidak terlalu bergantung kepada kuliah semata-mata kerana kaedah ini dikatakan dapat membentuk pelajar menjadi seorang yang pasif. Menurut Mok, Soon Sang (dalam Norliza Mohamed Piah, 2001), pelajar yang pasif kurang bertindak untuk mencari atau menjalankan eksplorasi terhadap sesuatu ilmu pengetahuan. Ini mengurangkan

kecenderungan pelajar untuk meneliti atau menjalankan analisis ke atas sesuatu input yang disampaikan.

## 1.2 Latar belakang Masalah

Salah satu hasrat Falsafah Pendidikan Negara ialah untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu (Sharifah Alwiah Alsagof, 1987). Untuk merealisasikan hasrat tersebut, memerlukan perubahan strategi pengajaran guru daripada kaedah konvensional kepada strategi pengajaran yang berasaskan bahan dan berpusatkan pelajar. Peranan guru dan pelajar akan berubah kerana dipengaruhi oleh media dan teknologi dalam proses pembelajaran. Guru dan buku teks bukan lagi sumber primer untuk sesebuah pelajaran. Guru kini hanya berperanan sebagai pembimbing untuk mendapatkan ilmu, manakala pelajar akan mencari sendiri maklumat yang diperlukan dengan bantuan guru.

Oleh itu, menurut Heinich et.al (1996), guru perlu memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan bukan sahaja dalam bidang yang dikhususkan tetapi dalam bidang yang berkaitan dengan kemahiran yang bersesuaian dengan perkembangan dan kemajuan masa kini. Menurut Razali Nor (1995), guru-guru terlatih dari semua institusi pengajian tinggi di Malaysia sedang dipersiapkan dengan semua ilmu teknologi pengajaran bagi membantu mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan itu, guru-guru ini sememangnya mempunyai kebolehan dan bakat untuk mengendalikan semua bentuk media di sekolah-sekolah dengan baik dan berkesan.

Video merupakan salah satu bahan pembelajaran yang mempunyai potensi yang baik untuk menarik perhatian pelajar semasa proses pengajaran dijalankan. Ini kerana kebolehan dan keberkesanannya menyampaikan mesej dan maklumat daripada satu

pihak kepada pihak yang lain. Video juga berkesan kerana dapat membawa pelajar melihat keadaan atau rupa bentuk yang sebenarnya, dan secara tidak langsung murid boleh melibatkan diri secara langsung dalam hal-hal penyediaan atau penggunaan media ini (Razali Nor, 1995).

Subjek Audit dan Penyiasatan bukanlah suatu subjek yang mudah untuk difahami. Subjek ini berbentuk teoritikal yang memerlukan pelajar memahami isinya dengan baik. Oleh itu, kaedah pembelajaran konvensional yang digunakan selama ini telah menjadikan pelajar bosan dan sukar memahaminya. Oleh itu, satu pendekatan baru perlu diambil. Pensyarah perlu mempelbagaikan lagi alat bahan bantu mengajar mereka supaya masalah ini dapat diatasi. Dan jika kita lihat video merupakan kaedah terbaik untuk merangsang pelajar berfikir kerana pensyarah boleh membawa pelajar ke zaman lepas, semasa dan akan datang. Ia akan menjadi lebih menarik (Razali Nor, 1995).

Walau bagaimanapun, untuk menghasilkan sesebuah video bukanlah suatu kerja yang mudah. Untuk menghasilkan sesebuah video, ada beberapa peringkat yang perlu dilalui. Peringkat-peringkat ini termasuklah penulisan skrip, rakaman suara, rakaman video sehingga kepada peringkat penyuntingan video yang memerlukan interaksi secara aktif dengan pelbagai individu dan pengendalian peralatan (Heinich et.al., 1996).

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Seperti yang diketahui, subjek Audit dan Penyiasatan bukanlah suatu subjek yang mudah untuk difahami. Subjek ini berbentuk teoritikal yang memerlukan pelajar faham isinya. Oleh itu, kaedah pembelajaran konvensional yang digunakan selama ini telah menjadikan pelajar bosan dan sukar memahaminya. Video merupakan salah satu alat bahan bantu mengajar yang boleh membantu guru dalam proses pengajaran dan

pembelajaran. Antara kebaikan video ialah boleh dilihat serentak oleh pelajar dengan baik dan sempurna. Selain itu, video juga boleh memberi pengalaman baru kepada murid. Menurut Jonassen D.H.et.al (1999), pelajar akan lebih senang mengingat sesuatu pelajaran sekiranya mereka menggunakan tiga pancaindera utama, iaitu penglihatan, pendengaran dan berfikir. Oleh itu, pengkaji ingin **menghasilkan sebuah VCD bercorak pendidikan untuk subjek Audit Dan Penyiasatan (P512) bertajuk Pengauditan Syarikat Induk dan Subsidiari** dan menilai VCD pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran tersebut.

#### 1.4 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti beberapa persoalan kajian yang seharusnya terjawab apabila kajian ini dilaksanakan. Antara persoalan kajian yang timbul ialah:

- i. Adakah VCD Pengauditan Syarikat Induk dan Subsidiari yang dihasilkan mempunyai susunan isi yang baik dan mudah difahami?
- ii. Adakah VCD Pengauditan Syarikat Induk dan Subsidiari yang dihasilkan dapat menarik minat pelajar?
- iii. Adakah elemen-elemen audio dan visual yang digunakan dalam VCD Pengauditan Syarikat Induk dan Subsidiari sesuai?

## 1.5 Objektif Kajian

Dalam kajian yang dijalankan, pengkaji telah menetapkan beberapa objektif umum kajian sebagai panduan untuk menghasilkan hasil kajian yang baik dan bermutu. Antara objektif-objektif tersebut ialah:

- i. Menghasilkan VCD dokumentari pendidikan bertajuk Pengauditan Syarikat Induk dan Subsidiari.
- ii. Mengenalpasti sejauh manakah isi kandungan VCD Pengauditan Syarikat Induk dan Subsidiari menepati sukatan pelajaran politeknik.
- iii. Menilai sejauh manakah VCD Pengauditan Syarikat Induk dan Subsidiari berupaya menarik minat pelajar terhadap apa yang dipelajari.
- iv. Mengenalpasti sejauh mana VCD Pengauditan Syarikat Induk dan Subsidiari membantu meningkatkan kefahaman pelajar tentang topik Pengauditan Syarikat Induk dan Subsidiari.

## 1.6 Kerangka Teori


Kajian ini dijalankan setelah dua masalah utama dikenalpasti, iaitu ketiadaan video pembelajaran untuk subjek Audit Dan Penyiasatan (P512) bertajuk Pengauditan Syarikat Induk dan Subsidiari dan kurangnya minat pelajar terhadap video bercorak pendidikan berbanding hiburan. Pengkaji mengambil inisiatif daripada masalah ini untuk menghasilkan sebuah tayangan video yang boleh menarik minat dan membantu

meningkatkan kefahaman pelajar. Justeru VCD Pengauditan Syarikat Induk dan Subsidiari dihasilkan oleh pengkaji sebagai satu sumbangan untuk mempelbagaikan lagi bahan pengajaran pensyarah dan bahan pembelajaran pelajar.

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori yang telah dirangka untuk menghasilkan VCD Pengauditan Syarikat Induk dan Subsidiari. Dua aspek penting dalam pembikinan sesebuah rakaman video, iaitu meliputi aspek visual dan audio diberi perhatian oleh pengkaji. Elemen yang terdapat dalam visual termasuk teks, gambar, animasi dan klip video itu sendiri secara umumnya manakala elemen audio termasuk suara latar, muzik latar dan kesan khas. Kerangka utama yang ingin dilihat oleh pengkaji ialah sama ada video yang dihasilkan itu menarik minat pelajar dan boleh difahami oleh pelajar Politeknik Sultan Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah yang sedang mengikuti kursus Diploma Akauntansi.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



Rajah 1.1: Kerangka Teori

### 1.7 Skop Kajian

Penerbitan video melibatkan pelbagai jenis proses seperti rakaman video, rakaman suara, rakaman foto, penulisan skrip video dan penyuntingan video. Untuk kajian ini, pengkaji hanya akan membincangkan tentang rakaman video sehingga

menghasilkan sebuah VCD dokumentari pendidikan bertajuk Pengauditan Syarikat Induk dan Subsidiari.

### 1.8 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, pengkaji berharap supaya VCD ini akan dapat:

- i) Membantu pensyarah dalam menghasilkan dan mempelbagaikan bahan pengajaran dan pembelajaran agar sesuatu yang ingin disampaikan akan menjadi lebih berkesan, kreatif dan menarik.
- ii) Memberi maklum balas kepada Kementerian Pendidikan agar menggalakkan pendidik dan pelajar menggunakan teknologi maklumat terutamanya perisian multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- iii) Dapat meningkatkan kemahiran pelajar yang mengambil mata pelajaran Teknologi Pendidikan (MTT1204) dalam mengendalikan peralatan pelbagai teknologi terkini yang terdapat di makmal-makmal untuk menghasilkan sebuah bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan bermutu.



## BIBLIOGRAFI

### BUKU

Abdul Rahim Abdul Rashid (2000). *Wawasan Pembangunan – Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Ahmad Mahdzan Ayob (2000). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial – Pengumpulan Data*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

Alias Baba (1999). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Baharuddin, et al. (2000). *Siri Modul Pembelajaran Teknologi Pendidikan*. Johor Bharu: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Best, J. W. and Kahn, J. V. (1998). *Research in Educations*. 8<sup>th</sup> ed. United States of America: Allyn and Bacon.

Borg, W. R. and Gall, M. D. (1983). *Educational Research: An Introduction*. New York: Logman, Inc.

Ee Ah Meng (1999). *Pendidikan di Malaysia I: Falsafah Pendidikan, Guru dan Sekolah*. (edisi kedua). Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ee Ah Meng (1992). *Pedagogi - Satu Pengenalan*. (edisi ketiga). Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Fatimah Ali (1980). *Media Murah Untuk Pengajaran - Pemilihan dan Pengeluaran*. Kertas Kerja Seminar Kempen V, anjuran Persatuan Suluh Bidiman. 6-8 Disember.

Heinich et. al. (1996). *Instructional Media and Technologies for Learning*. United States of America: Prentice Hall

Jonassen D. H. (1999). *Learning With Technology*. United States of America: Prentice Hall

Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Sheffie Abu Bakar (1995). *Metodologi Penyelidikan*. (edisi kedua). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Noresah Baharom (1993). *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norman E. Wallen and Jack R. Fraenkel (1991). *Education Research: A Guide To The Process*. Mc Graw Hill, Inc., New York.

Razali Nor (1995). *Teknologi Pendidikan 2.*: Selangor: Kumpulan Budiman

Salkind, N.J. (2000). *Exploring Research (4<sup>th</sup> Ed.)*. New Jersey: Prentice Hall.

Sandholtz, J. (1997). *Teaching With Technology*. New York: Colombia University.

Sharifah Alwiah Alsagof (1987). *Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia

Vierra, A., Pollock, J. & Golez, F. (1998). *Reading Educational Research*. (3<sup>rd</sup> Ed.) Ohio: Prentice Hall.

Yusup Hashim (1998). *Teknologi Pengajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Yusup Hashim & Sharifah Alwiah Alsagoff (1999). *Pendidikan Jarak Jauh: Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### TESIS

Muhammad Zaki Ab. Muluk (2000). "Tahap Pengetahuan dan Penggunaan Internet dalam Mencari Maklumat di Kalangan Pelajar Tahun Satu Diploma Kejuruteraan di ITTHO." Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana Pendidikan.

Norliza Mohamed Piah (2001). "Siri Modul Pembelajaran, Modul Asas Rakaman Video." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana Pendidikan.

Rosida Ahmad (2002). "Ke Arah Pembangunan E-Modul Pengajaran dan Pembelajaran: Satu Tinjauan Program Latihan Perisian Blackboard5 Terhadap Pensyarah KUiTTHO." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana Pendidikan.

Shaharom Noordin (1994). “Penghasilan dan Penilaian Keberkesanan Modul Pengajaran Kendiri Fizik Di Kalangan Pelajar Berbeza Kebolehan dan Jantina Pada Peringkat Tingkatan Empat.” Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.

### **MAJALAH**

Ismail Awang (2001). “K-Ekonomi Teras Perkembangan Ekonomi Negara.” *Dewan Ekonomi*

### **INTERNET**

<http://members.tripod.com/~SHAFFE/gunatv.htm> (Akses: 21 Disember 2002). “Prinsip Penggunaan TV/Video dalam Pengajaran Pembelajaran.”



PTAAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH